

Ilmu mencorak kehidupan generasi muda

JERUDONG, Khamis, 2 April. - Kem Modal Insan BIBD ALAF 2015 selama tiga hari yang disertai oleh pelajar berumur 10 hingga 18 tahun daripada Program BIBD Alaf 2014 dan 2015 yang terpilih menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutup Kem berkenaan di Hotel Star Lodge, di sini.

Oleh : Siti Zuralhah Haji Sulaiman, Nur Faizah Nawang
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada para peserta dan sukarelawan yang terlibat ialah Timbalan Mufti Kerajaan,

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, selaku Pengerusi Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Berhad (BIBD) serta anak-anak syarikat.

Terdahulu, Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahim bin Haji Derus semasa berucap pada majlis tersebut berkata, setiap pelajar semestinya mempunyai motivasi yang tinggi dalam mengharungi cabaran-cabaran agar berjaya di dunia

dan akhirat kerana tanpa adanya ilmu yang mencukupi adalah sukar untuk generasi masa kini mencorak kehidupan masa depan yang cerah.

"Adalah diharapkan semua pelajar yang turut serta dalam Program BIBD ALAF ini akan menjadi contoh atau *role model* kepada pelajar lain di sekolah masing-masing mahupun kepada ahli keluarga terutama adik-adik yang masih kecil," jelasnya.

Pendidikan negara ini, katanya, sentiasa memberikan fokus kepada pencapaian akademik melalui pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, di samping menyerlahkan potensi menyeluruh para pelajar termasuk dalam kegiatan kokurikulum.

Beliau berharap para peserta kem berkenaan akan dapat mempelajari bagaimana membina kespadaan kumpulan menerusi kesabaran, menepati masa, bertolak ansur, bekerjasama dan sebagainya.

Pada waktu yang sama para peserta diseru supaya menggunakan kemahiran yang diperolehi bagi memperkayakan minda dengan pelbagai ilmu dan kemahiran ke arah mempersiapkan mereka menjadi insan yang lebih cekal dan cergas dalam hidup serta mampu menjadi warganegara yang benar-benar dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara.

Tambahnya, masyarakat pada masa ini semakin matang dan mula menerima hakikat bahawa keperluan pembangunan Modal Insan merupakan pendekatan utama ke arah mencapai masyarakat dan generasi maju menjelang Wawasan Negara 2035. Justeru, beliau percaya program ini merupakan salah satu platform secara langsung kepada golongan remaja demi mempersiapkan mereka dari segi mental dan kerohanian untuk menghadapi cabaran masa hadapan.

Antara matlamat kem tersebut adalah untuk mengajar kemahiran hidup pelajar, membina keyakinan diri dan membangunkan keupayaan komunikasi peserta.

Kem berkenaan juga memberikan peluang kepada para pelajar untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik ke arah mencapai masa depan yang cerah bagi mereka dan keluarga.

Sepanjang kem tersebut para peserta melibatkan diri secara aktif pada pelbagai aktiviti yang dirancang termasuk menonton filem, latihan membina pasukan, ceramah Takziah selapas Subuh, ceramah kerjaya dari Kementerian Pendidikan, sesi motivasi dan bengkel untuk meningkatkan prestasi akademik mereka.

Majlis disarikan dengan tayangan video Kem Modal Insan BIBD ALAF 2015 dan penyampaian sijil penyertaan bagi pelajar BIBD ALAF dan sukarelawan.



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, selaku Pengerusi Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Berhad (BIBD) serta anak-anak syarikat menyampaikan sijil kepada seorang peserta.

Maklumat palsu menjejaskan ketenteraman awam

Siaran Akhbar Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) ingin menegaskan kepada orang ramai supaya jangan sekali-kali terlibat dalam mengemukakan dan menyebarkan maklumat-maklumat yang tidak sah dan tidak berasas.

Orang ramai juga diperingatkan agar tidak mudah mempercayai dan berasa cemas terhadap maklumat-maklumat mencurigakan yang belum dipastikan kesahihannya.

Baru-baru ini terdapat kenyataan yang telah dimuat turun dan disebarkan melalui media sosial yang dinilai boleh mengancam atau mengugut ketenteraman awam.

Perbuatan penyebaran maklumat sedemikian khususnya yang berunsur subversif dan ancaman terhadap keselamatan negara adalah menjadi suatu kesalahan menurut beberapa peruntukan undang-undang di negara ini.

Kesalahan-kesalahan sedemikian boleh diambil tindakan di bawah perundangan berikut:

1. Ponggal 148 Akta Kotenteraman Awam Seksyen 34 iaitu sesiapa yang sama ada, menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan

yang salah atau membuat kenyataan yang salah yang boleh menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dipenjara tiga tahun dan denda sebanyak BND3,000.

2. Di dalam Ponggal 24 Akta Hasutan Seksyen 4 (1) iaitu sesiapa sahaja,

- Melakukan atau mencuba untuk melakukan atau menyediakan atau bersubahat untuk menjalankan hasutan;
- Menggunakan perkataan yang merupakan hasutan;
- Mencetak, menyiarkan, menjual, menawarkan untuk menjual, mengedarkan atau mencetak semula sebarang hasutan;
- Membawa masuk sebarang warta yang berbetuk hasutan, kecuali dia tidak mempunyai sangkaan bahawa ia berbetuk hasutan,

Boleh didakwa kerana kesalahan itu yang boleh dipenjara sehingga dua tahun dan denda sebanyak BND5,000, bagi kesalahan pertama, dan bagi kesalahan yang sama dilakukan seterusnya sebanyak tiga tahun penjara dan denda, dan sebarang bentuk warta hasutan akan dirampas dan dimusnahkan.

Orang ramai dinasihatkan supaya akan memaklumkan kepada talian kecemasan 993 atau balai-balai polis yang berdekatan jika mendapati adanya perkara tersebut berlaku di kawasan mereka.

Sembahyang Sunat Gerhana Bulan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 April. - Kejadian gerhana bulan penuh akan berlaku di Negara Brunei Darussalam pada lewat petang hari Sabtu, 15 Jamadilakhir 1436 Hijrah bersamaan 4 April 2015 Masihi.

Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid akan mengadakan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan pada hari Sabtu (malam Ahad), 15 Jamadilakhir 1436H bersamaan 4 April 2015M pada pukul 6.29 petang (selapas Sembahyang Fardu Maghrib) di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Sehubungan itu, orang ramai dan jemaah-jemaah masjid serta penduduk-penduduk mukim / kampung untuk hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara bagi sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan Berjemaah pada tarikh dan masa yang dinyatakan.

Gerhana Bulan penuh dijangka berlaku pada 4 April 2015

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 April. - Penduduk di Negara Brunei Darussalam akan berpeluang menyaksikan sebuah fenomena astronomi Gerhana Bulan penuh yang julung kalinya berlaku pada petang Sabtu, 4 April 2015.

Menurut Setiausaha Agung Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam, Awang Hazary bin Haji Ali Ahmad, Gerhana Bulan berlaku apabila bulan merentasi tepat di belakang bumi dan berada dalam bayang-bayang bumi yang gelap, iaitu Umbra.

Katanya, kejadian semula jadi yang jarang ini hanya berlaku apabila matahari, bumi dan bulan adalah sejajar dengan bumi di tepat tengah-tengah dan fenomena alam ini akan turut diamati oleh sebahagian besar kawasan dunia, iaitu Asia, Australia, Pasifik, Amerika Utara dan Selatan.

Di negara ini, Gerhana Bulan akan dijangka mula dapat dicerap sejurus ia terbit dalam keadaan gerhana separa pada pukul 6.22 petang dan jika keadaan cuaca tidak berawan, orang ramai boleh menyaksikan sebahagian permukaan bulan purnama mula berkeadaan gelap.

Manakala pada pukul 7.58 malam, iaitu

ketika fasa gerhana penuh bermula, keseluruhan rupa bulan kelihatan kelam dan dijangka berwarna merah kerana terselindung oleh bayangan bumi, iaitu Umbra.

Julat waktu fasa gerhana penuh agak pendek, iaitu kurang lima minit kerana laluan bulan merentasi bayang bumi di penjuru sempadan Umbra, malah tempoh Gerhana Bulan kali ini merupakan yang paling pendek dalam Kurun Ke-21, jelas beliau.

Bulan akan mula keluar dari Umbra pada pukul 8.03 malam dan secara perlahan objek samawi ini akan mula memantulkan cahaya matahari dan sebahagian permukaan bulan masih berkeadaan gelap.

Gerhana dijangka berakhir apabila keseluruhan bulan keluar dari bayang bumi (Umbra) pada pukul 9.45 malam, pada waktu yang sama, purnama akan kelihatan bersinar terang seperti pada kebiasaannya.

Tambahnya, kekerapan Gerhana Bulan di negara ini tahun 2001 hingga 2100 terdapat 61 gerhana penuh berlaku di Brunei menurut statistik, manakala Gerhana Bulan seterusnya dijangka akan berlaku pada 8 Ogos 2017, 31 Januari 2018 dan 28 Julai 2018.

Seperti yang dinyatakan di dalam siaran

media, Gerhana Bulan adalah selamat untuk dilihat dengan mata kasar. Tempat yang sesuai untuk mencecap fenomena ini adalah di kawasan yang ufuk sebelah Timur tidak terhalang kerana kedudukan bulan adalah sangat rendah di langit Timur dari negara ini.

Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) dengan kerjasama Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) akan mengadakan Cerapan Gerhana Penuh Bulan pada petang Sabtu, 4 April 2015, bertempat di Dernaga Diraja Bandar Seri Begawan bermula pukul 6.00 petang hingga 10.00 malam.

Antara aktiviti yang akan dimuatkan ialah cerapan cakerawala, yang mana orang ramai berpeluang untuk melihat planet Jupiter dan Gerhana Bulan melalui lima buah *telescope* yang disediakan oleh pihak Jabatan Ukur dan seterusnya pameran astronomi.

Selain itu, dua ceramah awam bertajuk 'Fenomena Gerhana Matahari Menurut Perspektif Saintifik' yang disampaikan oleh Pegawai dari Jabatan Ukur dan 'Fenomena Gerhana dan Hikmahnya Menurut Perspektif Islam' disampaikan oleh Dr. Sayyed Abdul

Hamid Al-Mahdaly, Fakulti Usuluddin, UNISSA turut dijadualkan untuk disampaikan pada malam tersebut.

Adapun tujuan acara ini diadakan ialah bagi memberi galakan dan memajukan lagi astronomi Islam, serta untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai pengetahuan luas berilmu tentang sains dan astronomi.

Di samping bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan astronomi berdasarkan Al-Qur'an dan Sunnah, selain itu, mengumpulkan peminat astronomi atau falaq di Negara Brunei Darussalam bagi menyaksikan fenomena Gerhana Bulan beramai-ramai.

Ini merupakan aktiviti tahunan UNISSA dan Jabatan Ukur dan orang ramai dijemput hadir dengan kemasukan adalah percuma.

Fenomena Gerhana Bulan yang akan datang boleh disaksikan dari negara ini pada 7 / 8 Ogos 2017, namun ia adalah gerhana separa. Antara fenomena astronomi yang menarik ialah Gerhana Matahari yang akan dijangka berlaku dari negara ini pada 9 Mac 2015 tahun depan dengan lebih 90 peratus cakera matahari ditutupi oleh bulan.

'ELAKKAN PEMBAKARAN TERBUKA SEMASA MUSIM PANAS'

دتریبکنن اوله جباتن فئراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نڠارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.